

Praktis 1

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Murid-murid _____ Jalur Gemilang semasa sambutan Hari Kebangsaan.
A mengibarkan
B merentangkan
C menghamparkan
D menggantungkan
- 2 Shahrul tidak dibenarkan pergi ke mana-mana tanpa _____ ibu dan bapanya.
A keinginan
B kehadiran
C keputusan
D kebenaran

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I *Penguasaan* baja kimia boleh merosakkan struktur semula jadi tanah.
II *Penguasaan* teknologi maklumat dan komunikasi dapat memudahkan komunikasi sesama manusia.
III Kejatuhan negara Aceh disebabkan oleh *penguasaan* perdagangan oleh Inggeris dan Belanda.
IV Peserta pertandingan nyanyian itu berjaya memukau penonton dengan mempertaruhkan vokal dan *penguasaan* pentas yang baik.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Petai yang dipetik oleh Pak Samad pagi tadi masih belum *terikat*.
II Hati Kamarul sudah *terikat* dengan kelembutan dan kesopanan Hidayu.

- III Penerima biasiswa syarikat swasta itu *terikat* dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- IV Mak Munah melepaskan kambingnya yang *terikat* pada pokok kelapa itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Pengetua menasihatkan guru agar menggunakan pelbagai kaedah ketika mengajar untuk menarik minat murid.
A nasihat guru
B nasihatkan guru
C menasihati guru
D menasihatkan guru
- 6 Kebanyakan perusahaan-perusahaan membuat batik di negara kita dijalankan oleh orang perseorangan secara kecil-kecilan.
A Banyak perusahaan
B Kebanyakan perusahaan
C Banyak perusahaan-perusahaan
D Kebanyakan perusahaan-perusahaan

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Perkembangan sains dan teknologi pada hari ini telah menjadikan bidang pendidikan lebih menarik.
II Warden menerangkan tentang peraturan asrama supaya diketahui oleh semua murid yang tinggal di asrama tersebut.
III Pekerja ladang itu tidak mahu bersurai selagi mereka tidak menerima tanggungan gaji daripada majikan.

IV "Kalian boleh bersurai sekiranya tiada apa soalan," kata Cikgu Zakri.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

8 I Pasukan setiakawan dari Malaysia telah berlepas Indonesia untuk membantu mangsa tsunami.

II Para penduduk kampung bekerjasama untuk memperbaiki rumah Pak Wan yang muram itu.

III Zara dan Sarah seperti adik-beradik kerana mereka bersahabat baik sejak kecil lagi.

IV Kumpulan koir itu telah mendapat pujian penonton kerana persembahan mereka sungguh menarik.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

9 Pihak kerajaan menggesa hospital swasta untuk mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan yang diberi agar tidak terlalu membebankan pesakit.

- A Hospital swasta mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan kepada pihak kerajaan agar tidak membebankan pesakit yang menerima rawatan.
- B Pihak kerajaan digesa oleh hospital swasta untuk mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan agar pesakit yang menerima rawatan tidak terbeban.
- C Hospital swasta digesa oleh pihak kerajaan untuk mengkaji semula kadar bayaran agar tidak terlalu membebankan pesakit atas perkhidmatan yang diberi.

D Hospital swasta disarankan untuk mengkaji semula kadar bayaran yang dikenakan kepada pesakit yang menerima rawatan agar tidak membebankan pesakit.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10 Peribahasa yang berikut membawa maksud padanan yang sesuai, **kecuali**

- A bagai pinang dibelah dua
- B bagai bulan dengan matahari
- C seperti cincin dengan permata
- D seperti belut pulang ke lumpur

Soalan Tambahan

Soalan 1

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Ahli kumpulan boria itu yakin _____ mereka akan dapat melayakkan diri ke peringkat akhir.

- A agar
- B yang
- C kerana
- D bahawa

Soalan 2

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 2 I Wang tabungannya hilang ketika dia bercuti.
- II Suara guru itu hilang kerana banyak bersorak pada hari sukan sekolah minggu lepas.
- III Makanan yang disajikan di atas meja makan hilang dimakan oleh kucing itu.
- IV Duit yang digunakan oleh Sazali telah hilang dibelanjakan untuk membeli barang di pasar raya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja